

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.11.2015

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa semua jenis perkhidmatan oleh bank-bank tempatan dikenakan 6% GST. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji dan menghapuskan sebahagian dari cukai GST berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan kewangan adalah

merupakan pembekalan yang dikecualikan (exempt supply) di bawah Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Ini bermaksud GST tidak akan dikenakan ke atas perkhidmatan kewangan yang semata-mata berasaskan kepada **faedah (*interest*)** seperti yang disenaraikan di dalam perintah tersebut termasuklah perkhidmatan operasi akaun semasa, akaun deposit simpanan, akaun pelaburan atau pembiayaan apa-apa pinjaman.

Walaupun bagaimanapun, mana-mana perkhidmatan yang disediakan oleh bank dan dikenakan fi adalah tertakluk kepada pengenaan GST. Layanan ini disebabkan pelanggan memperolehi perkhidmatan yang disediakan oleh suatu bank dalam menjayakan pelbagai urusan niaga perbankan/kewangan seperti bayaran proses, penyediaan salinan penyata atau bayaran penggunaan perkhidmatan perbankan atas talian.

Bagi mana-mana bayaran atau caj yang dikenakan oleh bank yang bersifat penalti atau denda, ianya adalah tidak tertakluk kepada dikenakan GST.